

# Bangunkan negara guna cara Asia: Dr Mahathir

BH 21 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Negara-negara Asia perlu dibangunkan dengan menggunakan 'cara Asia' tanpa terlalu bergantung kepada bantuan luar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka harus yakin kepada 'nilai-nilai Asia' sebagai satu sumber kekuatan walaupun ada sedikit keraguan mengenai kebaikan nilai itu, dalam usaha membangun dan menggiatkan semula rantau ini.

Berucap merasmikan persidangan mengenai Pembangunan Bandar Mapan di Alaf Baru, (Polmet 2000, Kuala Lumpur) hari ini, Dr Mahathir menggariskan apa yang dimaksudkannya sebagai nilai Asia.

Antaranya ialah ketiadaan sikap individualisme yang keterlaluan, rasa tanggungjawab terhadap masyarakat, mempunyai keyakinan terhadap hubungan kekeluargaan yang mantap, mengutamakan pendidikan, berjimat cermat, gigih berusaha dan kerja berkumpulan untuk negara.

Nilai Asia juga mempunyai satu kontrak sosial antara rakyat dengan negara, moral yang tinggi, akhbar yang bebas tetapi bertanggungjawab, kepercayaan terhadap rakyat sebagai pemegang amanah serta menghormati alam persekitaran.

"Sebahagian besar daya usaha itu harus datang dari dalam rantau ini dengan menggunakan kepintaran dan kebijaksanaannya sendiri, sumber yang ada, kerjasama serantau dan usaha gigih," katanya.

Kira-kira 60 pakar antarabangsa memberi ceramah pelbagai tajuk mengenai pembangunan bandar pada persidangan selama tiga hari itu. Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan

Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Dr Mahathir berkata, semakin banyak pengetahuan, kepakaran dan keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih baik kini boleh diperoleh di Asia. Bagaimanapun, perlu ada mekanisme bagi mengubah apa yang diketahui oleh seseorang individu, kumpulan atau negara bagi membolehkan orang lain menggunakannya.

Bentuk teknologi komunikasi baru yang boleh diperoleh sekarang membolehkan seseorang memperoleh serta menilai pengetahuan saintifik dan teknikal yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah tempatan dan meningkatkan mutu hidup.

Oleh itu, katanya, adalah sangat penting pertumbuhan ekonomi Asia dipulihkan kerana ia mempunyai kaitan antara pertumbuhan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan keadaan alam persekitaran.

"Ketidaksamaan antara kemiskinan dengan kekayaan, tahap pembangunan dan penggunaan antara negara memperlihatkan gambaran berbeza apabila perbandingan dibuat antara negara maju dengan negara membangun," katanya.

Perdana Menteri membeirikan contoh rakyat Malaysia yang menikmati tahap kehidupan agak tinggi dan keadaan perumahan jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kebanyakan negara membangun.

"Matlamat utama perumahan Malaysia ialah untuk memastikan agar setiap rakyat kami, terutama kumpulan berpendapatan rendah, mendapat akses kepada rumah yang mencukupi

LIHAT MUKA 2,  
RUANG 3